

AL-KASB (PEKERJAAN) MENURUT AL-SHAYBĀNĪ
DALAM *KITĀB AL-KASB*

MUHAMMAD HANIF AL HAKIM

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah

Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2017

Kepada para guru dan kedua orang tuaku,

hasil kajian ini kupersembahkan.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kehadirat Allah *Ta'ālā*, solawat serta salam semoga selalu ke atas junjungan kita penghulu para Nabi dan Rasul, Nabi Muḥammad s.a.w. dengan selesainya tesis ini, saya ingin merakamkan untaian terimakasih kepada para guru, teman, keluarga dan lembaga yang tanpa bantuan mereka tesis ini tidak boleh dilakukan. Pertama sekali, terima kasih kepada Tan Sri Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas, beserta para guru di CASIS, Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud, Prof. Dr. Muhammad Zainiy Uthman, Prof. Dr. Tatiana Denisova, Prof. Madya Dr. Khalif Mu'ammam, Prof. Madya Dr. Syamsuddin Arif, serta Dr. Suleiman Mohammed Hussein Boayo, yang mana komitmen dan *istiqamah* mereka telah menjadi sumber semangat dan inspirasi dalam perjalanan keilmuan saya. Tak lupa juga ucapan terima kasih sedalam-dalamnya kepada Prof. Madya Dr. Adi Setia selaku penyelia awal, atas kesudian beliau berkongsi idea-idea penting berkaitan dengan tesis ini. Juga kepada Prof. Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah selaku penyelia akhir, yang dengan kesabaran tinggi dan kelapangan masa beliau, tak jemu memberi nasihat dan tunjuk ajar yang amat bermanfaat sepanjang proses penyempurnaan penelitian ini. Hanyalah Allah yang mampu membalas budi baik mereka berdua dengan cucuran taufik dan rahmat-Nya.

Terakamkan juga ucapan terima kasih kepada kaki tangan Perpustakaan Sultanah Zariah Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (PSZ UTM-KL) dan perpustakaan International Islamic University Malaysia (IIUM), yang mana tanpa bantuan dan sokongan mereka penelitian ini tidaklah dapat diusahakan. Kepada Norziati Rosman, Nabila Yasmin, Mukhlas Nugraha, terima kasih kerana telah meluangkan masa menjadi proofreader penelitian ini. Kepada Abdul Kun Ali, Fahroni Hamdan, Mohammad Zakki Azani, Khayrurrijal, atas saran serta masukan demi kebaikan kajian ini. Tak lupa juga, penghargaan setinggi-tingginya dikalungkan kepada pihak pentadbiran CASIS, Pn. Rashidah Sarip, Pn. Sharifah Fadzlina Helmy al-Husayni, Pn. Norehan Ismail, dan En. Mohd Amir Fahmi Razak atas banyak bantuan yang diberikan dalam hal kepengurusan keperluan penulis selama ini.

Teruntuk keluarga nun jauh di sana, khususnya ayahanda Mujiriyatno AM dan ibunda Nurrohma Ningsih Sri Harjani, adinda Ahmad Hafied el Fahmi dan Fonda Ayu Nur Amalina yang senantiasa berdoa demi kejayaan penulis selama menuntut ilmu di rantau orang, kalianlah mata air cinta dan kasih sayang yang daripadanya penulis memperoleh bekalan dalam perjalanan penuh liku ini. Akhir sekali, kepada semua pihak yang telah sudi mengulurkan bantuan secara langsung dan tak langsung untuk kejayaan penelitian ini, penulis rakamkan untaian terima kasih. Semoga Allāh *Ta'ālā* membalasnya dengan balasan yang berganda di kehidupan ini dan yang akan datang kelak. Amin!

ABSTRAK

Kegiatan bekerja (*al-kasb*) merupakan aktiviti yang dilakukan oleh orang-orang yang merdeka bagi memenuhi keperluan seharian mereka serta orang-orang yang menjadi tanggungan mereka, demi keberlangsungan kehidupan. Kajian ini telah membahas kandungan *Kitāb al-Kasb*, karya Imām al-Shaybānī (w.189.H), salah seorang pengasas madhhab Ḥanafī, yang meliputi pandangan beliau tentang kegiatan bekerja serta prinsip-prinsip asas ketika seseorang menceburi suatu pekerjaan. Dengan menggunakan pendekatan historis, analisis linguistik dan analisis kandungan, kajian ini telah mengupas isu-isu berkenaan dengan, 1) Alasan utama kepengarangan kitab tersebut, 2) Keberterusan amalan zuhud dalam konteks kegiatan *al-kasb* para *al-Salaf al-Ṣāliḥ* sebelum al-Shaybānī dan *al-Salaf al-Ṣāliḥ* semasa beliau, serta 3) Pandangan al-Shaybānī tentang *al-kasb*. Setelah kajian ini dilakukan, beberapa dapatan telah diperolehi. Antaranya: Pertama, dorongan beliau mengarang *Kitāb al-Kasb* adalah untuk memperingatkan kaum Muslimin agar selalu mengingati Akhirat dengan taat pada aturan Syari‘at ketika menceburi suatu pekerjaan untuk memenuhi keperluan jasadi di dunia. Kedua, ia juga menunjukkan bahawa terdapat banyak kesesuaian prinsip asasi daripada nilai-nilai agama antara yang didapati dalam *āthār* para *al-Salaf al-Ṣāliḥ* dan yang didapati dalam *Kitāb al-Kasb*. Prinsip asasi tersebut, antaranya seperti sikap sederhana (*al-iqtiṣād*) dalam hal penggunaan, dan berwaspada (*wara‘*) dalam perolehan serta perbelanjaan harta kekayaan. Ketiganya, ia juga menunjukkan bahawa hukum aktiviti bekerja ialah fardu ke atas mereka yang mampu mengusahakannya, dengan syarat mereka menguasai ‘*ilm al-ḥāl* berkenaan dengan aktiviti *al-kasb*, ilmu tentang darjat-darjat pekerjaan, serta ilmu tentang kepentingan sifat dalaman seperti zuhud, warak, tawakal dan *al-ghinā*. Akhir sekali sebagai saranan, hasil kajian ini amat perlu untuk direnungi oleh setiap individu Muslim dan diamalkan dalam setiap kegiatan bekerja mereka, terutamanya setelah memandangkan keadaan semasa ketika penyakit cinta harta mewabak di kalangan kaum Muslimin dan ramai orang tidak lagi mengendahkan sumber pendapatannya.

ABSTRACT

Work activity is an activity carried out by those who are independent in order to fulfill their daily needs and that of their dependants, for the continuity of life. The present study discussed the content of The Book of Earning (*Kitāb al-Kasb*), which was the work of al-Shaybānī (d.189.H), one of the founder of Ḥanafī school, encompassing his view on work activity and fundamental principles while someone is involved in a work. By employing historical approach, linguistic and content analysis, this research examined issues pertaining to, 1) The main reason for authoring such book, 2) The continuing practice of *zuhd* in the context of earning livelihood activity practiced by the pious generation prior of al-Shaybānī and pious generation contemporary to him, as well as 3) The view of al-Shaybānī pertaining to work activity. After the study was carried out, several findings were found. The main ones, are: Firstly, that the purpose of his composing The Book of Earning is to warn Muslim community to always remember the Hereafter by means of obeying Shariah rules while involved in a work in order to fulfill the bodily need in this world. Secondly, the finding also indicates that there are many similarities of fundamental principles of religious values that are found in tradition of previous pious generation and those found in The Book of Earning. Those fundamental principles, are being moderate or modest in using up resources, as well as being prudent in acquiring and spending the wealth. Thirdly, the finding points out that the legal status of earning livelihood over those who are capable to do so is obligatory, given that they master the necessary science of earning, the science of degrees of works, and the science about the significance of spiritual quality, e.g *zuhd*, *wara'*, *tawakkul* and *al-ghinā*. Finally, the results of this research need to be pondered by every Muslim, and to be practiced in their work activities, especially after considering the current age where the love for wealth disease is prevalent amidst Muslim community and many people no longer care about their sources of income.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	DEKLARASI	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI TERJEMAHAN	ix
	SENARAI SINGKATAN	xi
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah dan Tujuan Kajian	2
	1.3 Skop Kajian	3
	1.4 Metodologi Kajian	4
	1.5 Sorotan Literatur	5
	1.6 Rancangan Kajian	8
2	AL-SHAYBĀNĪ DAN <i>KITĀB AL-KASB</i>	10
	2.1 Keadaan Umum Kekhalifahan Abbasiyah Semasa al-Shaybānī	10
	2.2 Latar Belakang Pendidikan dan Keperibadian al-Shaybānī	15
	2.3 Kedudukan al-Shaybānī Dalam Tradisi Keilmuan Islam	18
	2.3.1 Sumbangan al-Shaybānī Dalam Literatur Hadith	19
	2.3.2 Sumbangan dan Pengaruh al-Shaybānī Dalam Literatur Fiqh	21
	2.4 <i>Kitāb al-Kasb</i> : Sebab Penulisan, Deskripsi dan Pengisbatannya sebagai Karya al-Shaybānī	23
	2.5 Kesimpulan	30

3	<i>AL-KASB</i> DALAM TRADISI ISLAM	32
3.1	<i>Al-Kasb</i> dan Perkataan Lain yang Berkaitan Dengannya	33
3.1.1	<i>Al-Kasb</i> Dalam Ilmu Bahasa	33
3.1.2	<i>Al-Kasb</i> Dalam al-Qur’ān	38
3.1.3	<i>Al-Kasb</i> Dalam Sunnah	46
3.1.4	<i>Al-Kasb</i> dan Perkataan Serupa yang Berkaitan Dengannya	51
3.2	Sifat <i>al-Kasb</i> (Kegiatan Bekerja) Dalam <i>Āthār</i> Para Salaf	55
3.2.1	Zuhud Dalam Pendapatan	56
3.2.2	Zuhud Dalam Perbelanjaan	60
3.2.3	Dorongan Kegiatan Bekerja	64
3.3	Kesimpulan	69
4	<i>AL-KASB</i> (KEGIATAN BEKERJA) DALAM <i>KITĀB AL-KASB</i>	72
4.1	Pemahaman Tentang Hukum Kegiatan Bekerja	73
4.1.1	Aspek Fardu Ain Dalam Kegiatan Bekerja	72
4.1.2	Aspek Fardu Kifayah Dalam Kegiatan Bekerja	81
4.2	Perkara-Perkara yang Patut Diperhatikan Oleh Seorang Pekerja	89
4.2.1	Ilmu-Ilmu yang Berkait Rapat Dengan Kegiatan Bekerja	89
4.2.2	Ilmu Tentang Darjat-Darjat Pekerjaan (<i>Marātib al-Kasb</i>)	93
4.2.3	Kepentingan Sifat Dalaman Ketika Bekerja	96
4.3	Kesimpulan	106
5	KESIMPULAN	107
	RUJUKAN	110

SENARAI TERJEMAHAN

I. HURUF

Huruf Arab	Huruf Rumi
ء	'
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	Ṣ
ض	Ḍ
ط	Ṭ
ظ	Ẓ
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
ه	H
ي	Y

II. VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Rumi
اَ	A
اِ	I
اُ	U

III. VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Rumi
آ/أ	Ā
إ	Ī
ؤ	Ū

IV. DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Rumi
او	Aw
اي	Ay
وي	Iyy/I
وو	Uww/ū

SENARAI SINGKATAN

Akhbār	- Akhbār Abī Ḥanīfah wa Aṣḥābih
Al-Aṣl	- Kitāb al-Aṣl
Al-Fikr al-Iqtisādī	- Al-Fikr al-Iqtisādī li al-Imām Muḥammad Ibn al-Ḥasan al-Shaybānī
Al-Kasb	- Kitāb al-Kasb
Al-Kasb Attributed	- The Kitāb al-Kasb Attributed to al-Shaybānī: Poverty, Surplus, and the Circulation of Wealth
Al-Kashshāf	- Al-Kashshāf ‘an Ḥaqāiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl
Al-Makāsib	- Al-Makāsib wa al-Wara‘ wa al-Shubhah wa Bayān Mubāḥihā wa Maḥzūrihā
Al-Mustadrak	- Al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn
Al-Wajīz	- Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh
ATAT	- Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl
Bulūgh	- Bulūgh al-‘Amānīy fī Sīrah al-Imām Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī
DBP	- Dewan Bahasa dan Pustaka
ECMR	- Economic Consumption Model Revisited: Infaq Based on al-Shaybānī’s Levels of al-Kasb
EI	- The Encyclopaedia of Islam
Ḥāshiyah al-‘Aṭṭār	- Ḥāshiyah al-‘Aṭṭār ‘Alā Sharḥ al-Jalāl al-Maḥallīy ‘Alā Jam‘ al-Jawāmi‘
HRGA	- Haroon al-Rasheed and the Great Abbasids
IUD	- Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn
JKST	- Al-Jāmi‘ al-Kabīr Sunan al-Tirmidhī
JMSM	- Al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar
KIR	- Kitāb al-Kasb dalam Risālatāni fī al-Kasb

LA	- Lisān al-‘Arab
Manāqib	- Manāqib al-Imām Abī Ḥanīfah wa Ṣāhibayh Abī Yūsuf and Muḥammad
MAUH	- Ma‘rifat Anwā‘ ‘Ulūm al-Ḥadīth
MFK	- Al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah
MGQ	- Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur’ān
MKIFU	- Mawsū‘āt Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-‘Ulūm
MS	- Al-Mujtabā min al-Sunan
MSM	- Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar
MT	- Mu‘jam al-Ta‘rīfāt
QM	- Al-Qāmūs al-Muḥīṭ
SAD	- Sunan Abū Dāwud
SAF	- Al-Imām Muḥammad ibn Ḥasan al-Shaybānī wa ‘Atharuh fī al-Fiqh al-Islāmīy
SIM	- Sunan Ibn Mājah
SMF	- Al-Imām Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī, Muḥaddithan wa Faqīhan
Sources	- Sources of the History of Islamic Economic Thought II
SSS	- The Social Significance of the Shu‘ūbiya
TAJQ	- Tāj al-‘Arūs min Jawāhir al-Qāmūs
TBM	- Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ
TCHI	- The Cambridge History of Islam
TCHoI	- The Cambridge History of Iran
The Restoration	- The Restoration of Wealth
The Rise	- The Rise of the Middle-Eastern Bourgeoisie in Early Islamic Times
The Shorter	- The Shorter Book on Muslim International Law: Kitāb al-Siyār al-Ṣaghīr by Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī
TKMG	- Al-Tafsīr al-Kabīr: Mafātīḥ al-Ghayb
TMS	- Ta’rīkh Madīnat al-Salām
Uṣūl	- Uṣūl al-Sarakhsī

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sabri Orman, dalam makalahnya di mana ia membuat senarai sumber-sumber sejarah pemikiran ekonomi Islam,¹ memasukkan *Kitāb al-Kasb* karya al-Shaybānī ke dalam himpunan literatur tentang pekerjaan² (*al-kasb*) bersama dengan karya-karya ulama-ulama yang terdahulu.³ Di dalamnya beliau menyatakan bahawa *Kitāb al-Kasb* karangan al-Shaybānī (w.189.H) adalah yang termasyhur dan menyeluruh, kerana ia merangkumi perkara-perkara asasi sama ada bersifat teoretikal mahupun praktikal. Ini termasuk perbincangan tentang makna, kepentingan dan keutamaan mencari nafkah; jenis-jenisnya; peringkat-peringkatnya serta bentuk-bentuk keperluan untuk hidup; pertalian antara kehidupan beragama dengan pekerjaan; kesan dan peranan tawakkul dan percaya pada Allāh *Ta'ālā* ketika mencari nafkah; pembahagian pekerjaan (*labor division*); perbincangan mengenai penggunaan kekayaan, pembaziran dan pengedaran harta dan pendapatan; dan lain sebagainya.⁴

¹ Sila lihat Sabri Orman, "Sources of the History of Islamic Economic Thought II," *Al-Shajarah* iii, (1998): 1-17. Seterusnya disebut *Sources*.

² Perkataan 'pekerjaan' sebagai terjemahan dari kata *al-kasb* yang dimaksud dalam kajian ini secara khusus merujuk kepada suatu aktiviti yang darinya seseorang itu mendapatkan pendapatan. Kemudian, maksud 'pendapatan' disini mesti difahami sebagai nafkah yang dengannya keperluan hidup seseorang atau orang-orang yang menjadi tanggungannya, boleh dipenuhi. Oleh yang demikian, kata *al-kasb* secara berselang-seli juga akan diterjemahkan sebagai 'kegiatan mencari nafkah', 'pencarian nafkah', 'pencarian pendapatan' atau 'kegiatan bekerja', bergantung kepada konteks tertentu.

³ Antaranya, kitab *al-Barakah fī Faḍl al-Sa'y wa al-Ḥarakah* karangan al-Ḥubaishī dan kitab *al-Ḥathth 'alā al-Tijārah wa al-Ṣinā'ah wa al-'Amal wa al-Inkār 'alā man Yadda' al-Tawakkul wa Tark al-'Amal wa al-Hujjah 'alayhim fī dhālik* karangan Abū Bakr al-Khallāl (w.311.H).

⁴ Orman, *Sources*, 6-7.

Kenyataan bahawa ia adalah karangan yang termasyhur dan terlengkap, bahkan yang terawal dalam Islam membuktikan keutamaan karya ini. Malah sebilangan sarjana menganggapnya sebagai salah satu dari karya-karya awal yang pernah ditulis dalam bidang Ekonomi Islam.⁵ Oleh yang demikian, beberapa dari mereka kemudian mencadangkan agar *Kitāb al-Kasb* karya al-Shaybānī ini dikaji secara rapi, tersusun dan menyeluruh.⁶

1.2 Pernyataan Masalah dan Tujuan Kajian

Telah tiba suatu zaman yang diramalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w di mana ramai manusia tidak lagi mengendahkan sumber pendapatannya. Apa yang berlaku kala itu ialah cabaran faham Utilitarisma dalam segala aspek kehidupan, khususnya dalam aspek ekonomi. Malangnya, ia telah merebak di kalangan kaum Muslimin dan memberikan kesan buruk terhadap cara berfikir umat Muslim tentang aktiviti muamalah dan ekonomi. Antara kesan buruknya ialah: etika para pelaku ekonomi yang mula tampak terhakis dalam urus niaga ekonomi, pemahaman terhadap aktiviti bekerja, serta kewajipan yang bersifat perseorangan dan kolektif daripada para pekerja itu sendiri ketika menceburi suatu pekerjaan.

Cabaran yang hampir sama dengan ini juga pernah berlaku dalam sejarah, yakni pada abad kedua Hijrah, di mana keadaan ekonomi kekhalifahan Abbasiyah berada pada kemuncaknya sehingga ramai umat Muslim kala itu terleka akan kehidupan Akhiratnya, dan sebab itu Imām al-Shaybānī terdorong untuk mengarang *Kitāb al-Kasb* bagi mengingatkan mereka tentang kepentingan mengingat Akhirat dalam setiap aktiviti duniawi.

⁵ Sila lihat Shawqī Aḥmad Dunyā, *Silsilah A'lām al-Iqtisād al-Islāmīy* (Riyād: Maktabah al-Khārijīy, 1984), 74; Bernard Lewis, "Sources for the Economic History of the Middle East," dalam *Studies in the Economic History of the Middle East*, peny., M. A. Cook, (Oxford: Oxford University Press, 1970; repr. Bath: The Pitman Press, 1978), 87.

⁶ Sila lihat Orman, *Sources*, 7; Muhammad Nejatullah Siddiqi, *Recent Works on History of Economic Thought in Islam: A Survey* (Jeddah: International Centre for Research in Islamic Economic King Abdul Aziz University, 1982), 10; dan Abdul Azim Islahi, "Thirty Years of Research in the History of Islamic Economic Thought: Assessment and Future Directions," Kertas kerja yang dibentangkan pada *Persidangan Ekonomi Islam Antarbangsa ke 7*, 3hb April 2008. Kertas kerja boleh dimuatturun pada <https://mpira.ub.uni-muenchen.de/18102/>

Dengan gambaran di atas, kajian ini cuba mengambil *'ibar* daripada *Kitāb al-Kasb* dan menentengahkan idea al-Shaybānī tentang aktiviti bekerja (*al-kasb*) kepada umat Muslim semasa. Untuk mencapai matlamat tersebut, soalan-solan berkaitan yang perlu dimajukan dan dijawab dalam kajian ini ialah: 1) Bagaimanakah keadaan kemasyarakatan ketika al-Shaybānī mengarang *Kitāb al-Kasb*? 2) Apakah kedudukan dan pengaruh al-Shaybānī dalam tradisi keilmuan Islam sehingga karya beliau, *Kitāb al-Kasb*, layak untuk dikaji? 3) Apakah sifat dan nuansa penggunaan perkataan *al-kasb* dalam Al-Qur'ān dan Sunnah? 4) Apakah hubungkait antara perkataan *al-kasb* dengan perkataan lain yang serupa? 5) Bagaimanakah sifat kegiatan mencari nafkah (*al-kasb*) yang diamalkan para *al-Salaf al-Ṣaliḥ* sepertimana yang terakam dalam *āthār* terdahulu? 6) Bagaimanakah al-Shaybānī memahami kegiatan mencari nafkah dan bagaimanakah sikap beliau terhadapnya? 7) Apakah perkara-perkara yang lazim yang menjadi perhatian dan perlu dimiliki oleh setiap orang yang terlibat dalam kegiatan mencari nafkah?

Penelitian ini mempunyai dua objektif utama:

1. Ia menyingkap ajaran dan amalan umat Islam dalam mencari nafkah sebagaimana yang dihayati oleh para generasi awal Islam.
2. Ia menganalisis pemikiran al-Shaybānī berkenaan kegiatan mencari nafkah dalam *Kitāb al-Kasb*.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini akan fokus kepada perihal kehidupan al-Shaybānī dan keadaan masyarakat pada masa itu, serta tabiat para *al-Salaf al-Ṣaliḥ* dalam hal kegiatan mencari nafkah dengan berdasarkan kepada *āthār* terdahulu. Ia dilakukan bagi memahami latar belakang di sebalik penulisan kitab tersebut dan bagi menilai kesamaan dan kesinambungan nilai-nilai Islam yang diamalkan oleh generasi Muslim semasa al-Shaybānī dengan yang diamalkan oleh generasi Muslim sebelum beliau. Walaupun ia menyentuh beberapa fakta sejarah berkenaan dengan aktiviti

ekonomi ketika itu, namun kajian ini bukanlah suatu bagian sejarah ekonomi secara khusus.

Ia juga akan menghuraikan makna perkataan *al-kasb* dari sisi ilmu bahasa dan penggunaannya dalam al-Qur'ān dan Sunnah, bagi mempamerkan sifat dan nuansa serta makna yang ditekankan dalam penggunaan perkataan *al-kasb* pada kedua sumber tersebut. Ia juga akan memeriksa beberapa *āthār* bagi memerikan sifat aktiviti mencari nafkah para *al-Salaf al-Ṣaliḥ*. Manakala tentang isi *Kitāb al-Kasb*, kajian akan difokuskan kepada ulasan tentang hukum hakam kegiatan bekerja pada pandangan al-Shaybānī dan idea tentang *farḍ 'ayn* dan *farḍ kifāyah* dalam konteks kegiatan mencari nafkah dalam kitab tersebut.

1.4 Metodologi Kajian

Dalam huraian tentang Permasalahan Kajian di atas telah dinyatakan tujuh soalan kajian. Dengan ini, tiga pendekatan utama berikut akan digunapakai, yakni analisis historis-deskriptif, analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis bahasa. Pendekatan historis-deskriptif akan digunakan untuk menjawab soalan nombor satu, dua, dan lima, manakala analisis bahasa akan digunakan bagi menjawab soalan nombor tiga dan empat. Adapun pendekatan analisis kandungan akan digunapakai bagi menjawab soalan nombor enam dan tujuh.

Data-data yang bersifat historis yang berkenaan dengan kehidupan al-Shaybānī dan persekitaran hidupnya dikumpulkan, untuk dikemukakan kemudiannya sebagai latarbelakang kehidupan al-Shaybānī. Begitu juga dengan data-data tentang sifat-sifat dan tabiat para *al-Salaf al-Ṣaliḥ* dalam kegiatan mencari nafkah, yang kebanyakannya berupa *āthār*, dipaparkan. Dua jenis data ini diolah menggunakan analisis historis-deskriptif.

Adapun data-data yang berkenaan dengan makna perkataan *al-kasb* dan perkataan lain yang sejenis, seperti *al-'amal*, *al-ṣinā'ah*, *al-ṭalab* dan *al-su'āl* dianalisis dengan menggunakan analisis bahasa. Hal ini memungkinkan untuk

dilakukan kerana karakter bahasa Arab yang saintifik, yang dengan sistem akarnya, makna istilah-istilah tersebut akan terjaga dari sebarang perubahan makna yang tidak berarti.⁷ Manakala analisis kandungan akan digunapakai untuk menganalisis idea beliau tentang kegiatan mencari nafkah dalam *Kitāb al-Kasb* dan mengemukakannya dalam tiga perbahasan utama pada bab empat.

1.5 Sorotan Literatur

Terlebih dahulu patut diakui di sini bahawa setakat ini beberapa kajian terhadap *Kitāb al-Kasb* telah dilakukan secara khusus mahupun secara umum dalam suatu pembahasan oleh para sarjana Barat dan Muslim. Sebilangan daripada mereka, seperti Goitein⁸ dan Michael Bonner⁹ mengkaji karangan al-Shaybānī itu dari sudut pandang kajian kemasyarakatan, manakala sebahagian lainnya, seperti Shawqī Aḥmad Dunyā,¹⁰ Ḥamad Ibn ‘Abd al-Raḥmān al-Junaydil,¹¹ Mustafā Omar¹² dan Khaṣāwanah¹³ melihat *Kitāb al-Kasb* menerusi kerangka teori ekonomi moden. Sesetengah daripada kajian-kajian mereka itu dapat difahami melalui ringkasannya sebagai berikut.

Goitein, dalam makalahnya yang bertajuk *The Rise of the Middle-Eastern Bourgeoisie in Early Islamic Times*, meneliti kemunculan kaum borjuis di Timur Tengah pada awal-awal kurun Islam. Awalnya ia menduga bahawa ajaran tasawwuf

⁷ Sila lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept of Education in Islam* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1999), 2; Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1998), 330-362.

⁸ Sila lihat S. D. Goitein, “The Rise of the Middle-Eastern Bourgeoisie in Early Islamic Times,” dalam S. D. Goitein dan Norman A Stillman (ed.), *Studies in Islamic History and Institutions* (Leiden: E. J. Brill, 1968). Selanjutnya disebut *The Rise*.

⁹ Sila lihat Michael Bonner, “The Kitāb al-Kasb Attributed to al-Shaybānī: Poverty, Surplus, and the Circulation of Wealth,” *Journal of the American Oriental Society* cxxi, no.3 (Jul-Sep. 2001). Selanjutnya disebut *al-Kasb Attributed*.

¹⁰ Sila lihat Shawqī Aḥmad Dunyā. *Silsilah A‘lām al-Iqtisād al-Islāmīy* (Riyād: Maktabah al-Khārijīy, 1984).

¹¹ Sila lihat Ḥamad Ibn ‘Abd al-Raḥmān al-Junaydil. *Manāḥij al-Bāḥithīn fī al-Iqtisādī al-Islāmīy*, 2 jil. (Riyād: al-‘Ubaykān, 1986).

¹² Sila lihat Mohammed Mustafā Omar, “Economic Consumption Model Revisited: Infaq Based on al-Shaybānī’s Levels of al-Kasb,” *International Journal of Economics, Management and Accounting*, Supplementary Issue 19, (2011). Seterusnya disebut *ECMR*.

¹³ Sila lihat Aḥmad Sulaymān Maḥmūd Khaṣāwanah, “Al-Fikr al-Iqtisādī li al-Imām Muḥammad Ibn al-Ḥasan al-Shaybānī,” (M.A. tesis, Universiti Yarmuk, 1997). Seterusnya disebut *Al-Fikr al-Iqtisādī*.

dalam Islam adalah hasil pengaruh doktrin Kristianiti, yang mana salah satu intipati ajarannya mengatakan bahawa kegiatan mencari nafkah adalah bertentangan dengan Islam. Ajaran ini kemudiannya memberi kesan pada masyarakat sebegitu mendalam dan menimbulkan salah paham. Keadaan inipun mendorong al-Shaybānī untuk mengarang *Kitāb al-Kasb* bagi mengatasi masalah tersebut sambil menjelaskan bahawa usaha perniagaan bukan sahaja tidak bertentangan dengan agama Islam, malah ia adalah kewajipan. Akhir kali Goetein menyimpulkan bahawa sebab kemunculan kaum borjuis di Timur Tengah pada pertengahan abad kedua, ketiga dan keempat Hijrah adalah kerana ia diilhami oleh karangan al-Shaybānī tersebut.¹⁴ Akan tetapi malangnya, anggapan beliau tentang dorongan kepengarangan *Kitāb al-Kasb* itu tidaklah sah sepertimana yang akan dihuraikan dalam subtopik 2.4 kemudian, yang akan mengarah kepada salahnya kesimpulan yang beliau ambil.

Selain daripada kajian yang telah dilakukan oleh Goitein, terdapat penelitian lain yang juga mengkaji *Kitāb al-Kasb*. Aḥmad Sulaymān Maḥmūd Khaṣāwanah secara khusus mengkaji idea al-Shaybānī dalam *Kitāb al-Kasb* dengan menggunakan kerangka ekonomi-politik moden, atau lebih tepatnya ekonomi makro. Hal itu jelas tampak apabila ia menyusun bab-bab dalam penelitiannya dengan membahaginya ke dalam empat buah bab, yaitu pengeluaran, jenis-jenis pekerjaan, pengedaran dan penggunaan menerusi pandangan al-Shaybānī.¹⁵ Oleh itu, karya Khaṣāwanah ini kurang memberikan penekanan kepada sisi amalan sikap zuhud dalam konteks mencari nafkah. Padahal perkara itulah yang sebenarnya mengilhami al-Shaybānī menulis *Kitāb al-Kasb*.

Kandungan dalam *Kitāb al-Kasb* juga menarik perhatian Mustafa Omar. Dalam makalahnya yang bertajuk *Economic Consumption Model Revisited: Infaq Based on al-Shaybānī's Levels of al-Kasb*, beliau mengembangkan model penggunaan matematik berteraskan pada teori al-Shaybānī tentang pelbagai peringkat *al-kasb* (pendapatan) seseorang.¹⁶ Beliau mendakwa bahawa model yang baru dirumuskan itu mengambil kira sisi perseorangan, kemasyarakatan, kebendaan, ruhani, moral dan hukum Syar‘i dalam pembuatan keputusan seseorang dalam

¹⁴ Sila lihat S. D. Goitein, *The Rise*, 218-222.

¹⁵ Sila lihat Maḥmūd Khaṣāwanah, *al-Fikr al-Iqtisādī*, 5-6

¹⁶ Sila lihat Mustafa Omar, *ECMR*, 124-126.

pembelanjaan harta dan perilaku ekonominya, sehingga ia boleh menggantikan model penggunaan matematik yang setakat saat ini digunakan dalam ekonomi moden. Walaupun boleh dikatakan model yang baharu tersebut adalah lebih unggul berbanding model penggunaan dalam ekonomi moden kerana ia melibatkan variabel-variabel lain, ia tetaplah terhad pada bidang matematik yang tidak membolehkan ia memberi penjelasan yang menyeluruh tentang kedudukan variabel-variabel tersebut sekiranya ditilik dari segi *farḍ ‘ayn* dan *farḍ kifāyah* khususnya dalam konteks *al-kasb*.

Telah didapati kajian lain terhadap *Kitāb al-Kasb*, yang mana ianya tiada termasuk ke dalam himpunan kajian kemasyarakatan mahupun yang menerusi kerangka ekonomi moden. Ianya adalah makalah yang ditulis oleh Adi Setia apabila beliau menterjemahkan *Kitāb al-Kasb* ke dalam Bahasa Inggeris.¹⁷ Secara am, makalah ini memberi gambaran tentang apa itu *Kitāb al-Kasb*, metodologi beliau dalam menterjemahkan kitab tersebut, dan mencantumkan tujuh buah bab daripada *Kitāb al-Kasb* yang telah berjaya diterjemahkan dari bahasa asal, yakni Bahasa Arab.

Tidaklah terlampau untuk dikatakan bahawa berbanding dengan kajian-kajian yang lain, kajian ini dinilai paling berjaya dalam menyampaikan pesan yang terdapat dalam *Kitāb al-Kasb* walaupun ianya memang terhad dalam beberapa segi, seperti misalnya ketiadaan ulasan menyeluruh tentang cakupan perkara-perkara yang menjadi *farḍ ‘ayn* dan *farḍ kifāyah* dalam kegiatan mencari nafkah serta latarbelakang kepengarangan kitab tersebut. Dua hal inilah yang akan dicuba untuk diperbahaskan dalam penelitian ini.

Daripada hasil kajian literatur di atas, sangatlah tampak bahawa penelitian terdahulu mengenai *Kitāb al-Kasb* yang memandangnya daripada sisi kajian sejarah dengan menghubungkaitkan isi kandungannya dengan pernyataan-pernyataan para *al-Salaf al-Ṣaliḥ* berupa *āthār* bagi membayangkan sifat-sifat kegiatan mencari nafkah (*al-kasb*) sepertimana yang diamalkan generasi Muslim terbaik, belum lagi diusahakan, apatah lagi yang secara menyeluruh menjelaskan idea *farḍ ‘ayn* dan *farḍ kifāyah* dalam hubungkaitnya dengan kegiatan *al-kasb*. Memandangkan pentingnya

¹⁷ Sila rujuk Adi Setia, “Imām Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī on Earning A Livelihood: Seven Excerpts From His Kitāb al-Kasb,” *Islam & Science* x, no.2 (Winter 2012), 99-116.

pengenalan sisi sejarah *Kitāb al-Kasb* dan pemaparan yang menyeluruh tentang kedua jenis kewajipan tersebut dalam konteks *al-kasb*, kajian ini perlu untuk diusahakan khususnya bagi memperkaya literatur dalam bidang Ekonomi Islam.

1.6 Rancangan Kajian

Kajian ini mengandungi lima bab. Bab pertama yang menjadi pendahuluan kepada kajian ini menghuraikan latarbelakang kajian, pernyataan masalah dan tujuan kajian, skop kajian, metodologi kajian, sorotan literatur serta rancangan kajian.

Adapun bab kedua akan membahas sisi sejarah, yang mencakup latar belakang pendidikan dan keperibadian al-Shaybānī serta kedudukan beliau dalam tradisi keilmuan Islam. Di dalamnya akan dibincangkan pula keadaan politik, kemasyarakatan dan ekonomi pada zaman beliau dan tinjauan mengenai *Kitāb al-Kasb*. Kesemuanya itu bertujuan untuk membawa gambaran lingkungan pada zaman itu kepada para pembaca, sehingga mereka boleh memahami konteks kepengarangan kitab tersebut.

Dalam bab ketiga, analisis bahasa akan digunapakai bagi mendedahkan makna perkataan *al-kasb* dan perkataan terbitannya dari sisi ilmu bahasa, dan penggunaannya dalam al-Qur'ān dan Sunnah. Hubungkait antara makna perkataan *al-kasb* dan makna perkataan serupa seperti *al-'amal* (pekerjaan), *al-ṣinā'ah* (pertukangan), *al-ṭalab* (menuntut) dan *al-su'āl* (mengemis), kerap digunakan oleh al-Shaybānī, akan dibahas juga dalam bab ini. Dalam bab ini juga, pengkaji akan membawa perhatian pembaca ke arah perbincangan tentang amalan sifat zuhud yang dihayati oleh para *al-Salaf al-Ṣaliḥ* sebelum dan semasa al-Shaybānī yang terakam dalam *āthār*.

Bab keempat daripada kajian ini akan mengetengahkan perkara-perkara utama yang terdapat dalam *Kitāb al-Kasb*. Di dalamnya akan dijelaskan pandangan al-Shaybānī mengenai aspek fardu ain kegiatan *al-kasb*. Bab ini juga akan mengungkap aspek fardu kifayah kegiatan mencari nafkah. Akhir sekali dalam bab

ini, peranan penting daripada ilmu-ilmu yang bersifat fardu ain dan sisi dalaman, seperti zuhud, warak, tawakal dan *al-ghinā*, yang diperlukan bagi setiap pencari nafkah akan diperkatakan. Bab kelima akan mengakhiri kajian ini dengan memberikan kesimpulan.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Bāqī, Muḥammad Fuād. 1944. *Al-Mu’jam al-Mufahras li alfāz al-Qur’ān al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- ‘Abd al-Qādir, Muḥammad al-‘Arūsī. 2009. *Al-Masā’il al-Mushtarakah Bayn Uṣūl al-Fiqh wa Uṣūl al-Dīn*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd Nāṣirūn.
- Abū Yūsuf. *Al-Kharrāj*, peny. Tāhā ‘Abd al-Ra’ūf Sa’d dan Sa’d Ḥasan Muḥammad. Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah.
- Aḥmad Dunyā, Shawqī. 1984. *Silsilah A’lām al-Iqtisād al-Islāmīy*. Riyāḍ: Maktabah al-Khārijīy.
- Ali, Kecia. 2011. *Imām Shāfi‘i: Scholar and Saint*. Oxford: Oneworld Publication.
- Al-Andalūsī, Abū Ḥayyān. 1993. *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Aṣbahānī, Mūsā ibn Mahrān. 1989. *Ḥilyah al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ash‘arī, Abū al-Ḥasan. 1955. *Al-Luma’ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida’*. Kaherah: Maṭba‘ah Miṣr Syirkah Musāhamah Miṣriyyah.
- Al-Ash‘arī, Abū al-Ḥasan. 1980. *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*. peny. Hellmut Ritter. Wiesbaden: Franz Shitāynar.
- Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar. 1984. *Al-Nukat ‘Alā Kitāb Ibn al-Ṣalāh*. peny. Rabī‘ ibn Hādī ‘Umayr. Madinah: Universiti Islam Madinah.
- Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar. 1960. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. peny. Muḥammad Fuād ‘Abd al-Bāqī. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Aṣṭal, Muḥammad Qāsim. 2004. “Al-Qarīnah ‘Ind al-Uṣūliyyīn wa Atharuhā fī Fahm al-Nuṣūṣ”. Tesis M.A., Universiti Islam Ghaza.
- Al-‘Aṭṭār, Ḥasan ibn Muḥammad ibn Maḥmūd. *Ḥāshiyah al-‘Aṭṭār ‘Alā Sharḥ al-Jalāl al-Maḥallīy ‘Alā Jam‘ al-Jawāmi’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Attas, S. M. Naquib. 1999. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.

- Al-Attas, S. M. Naquib. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Baghdādī, al-Khaṭīb. 2001. *Ta'rīkh Madīnat al-Salām*, peny. Bashār 'Awwād Ma'rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmīy.
- Al-Bāqillānī, Abū Bakr. 1987. *Tamhīd al-Awā'il wa Talkhīṣ al-Dalā'il*. Beirut: al-Maktabah al-Sharqīyyah.
- Al-Bayḍāwī, 'Abdullāh ibn 'Umar. 1998. *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabīy.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr. 2003. *Al-Sunan al-Kubrā*. peny. Muḥammad 'Abd al-Qadīr 'Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā'īl. 2001. *Al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtasar*. peny. Muḥammad Zuhair ibn Nāṣr al-Nāṣr. Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh.
- Al-Dāruqūṭnīy, 'Alī ibn 'Umar. 2004. *Sunan al-Dāruqūṭnīy*. peny. Shu'ayb al-Arna'ūt, et, al. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Dasūqīy, Muḥammad. 1987. *Al-Imām Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī wa 'Atharuh fī al-Fiqh al-Islāmīy*. Doha: Dār al-Thaqāfah.
- Al-Dhahabīy, Muḥammad ibn Aḥmad. 1988. *Manāqib al-Imām Abī Ḥanīfah wa Ṣāhibayh Abī Yūsuf wa Muḥammad ibn al-Ḥasan*, peny. Abū al-Wafā' al-Afghānīy dan Muḥammad Zāhid al-Kawtharīy. Hydarabad: Lajnah 'Iḥyā' al-Ma'ārif al-Nu'māniyyah.
- Al-Dhahabīy, Muḥammad ibn Aḥmad. 1983. *Al-Mu'īn fī Tabaqāt al-Muḥaddithīn*. peny. Humām 'Abd al-Raḥīm Sa'īd. Ammān: Dār al-Furqān.
- Al-Dimashqī, Abū al-Fidā' Ismā'īl. 1999. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. peny. Sāmī ibn Muḥammad al-Salamah. Riyāḍ: Dār Ṭayyibah.
- Al-Dūrī, 'Abd al-'Azīz. 1995. *Ta'rīkh al-Iraq al-Iqtisādī fī al-Qarn al-Rābi' al-Ḥijrī*. Beirut: Markaz Dirāsāt al-Waḥdah al-Arabiyyah.
- Al-Fayrūz Ābādī, Majd al-Dīn. 2005. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. 2010. *Al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*. peny. 'Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad Ṭāhā. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. 2013. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. 2009. *Al-Iqtisād fī al-Iqtishād*. Kaherah: Dār al-Baṣā'ir.
- Al-Ḥaṣkīfī, Muḥammad ibn 'Alī. 2002. *al-Durr al-Mukhtār*. peny. 'Abd al-Mun'im Khalīl Ibrāhīm. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Haythamī, Nūr al-Dīn ‘Alī. 1994. *Majma‘ al-Zawā‘id wa Manba‘ al-Fawā‘id*. peny. Ḥisām al-Dīn al-Qudsīy. Kaherah: Maktabah al-Qudsīy.
- Al-Iṣfahānī, al-Rāghib. *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur‘ān*. peny. Nazār Muṣṭafā al-Bāz. Riyād: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz.
- Al-Jāhiz, Amrū ibn Baḥr. 1935. *Kitāb al-Tabaṣṣur bi al-Tijārah*. peny. Ḥasan Ḥusnī Abd al-Wahhāb. Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Raḥmāniyyah.
- Al-Junaydil, Ḥamad Ibn ‘Abd al-Raḥmān. 1986. *Manāhij al-Bāḥithīn fī al-Iqtisādī al-Islāmīy*. Riyād: al-‘Ubaykān.
- Al-Juwaynī, Abū al-Ma‘ālī. 1950. *Al-Irshād ilā Qawāṭi‘ al-Adillah fī Uṣūl al-I‘tiqād*. Kaherah: Maktabah al-Khanjī.
- Al-Jurjānī. *Mu‘jam al-Ta‘rīfāt*, peny. Muḥammad Ṣiddīq al-Minshāwī. Kaherah: Dār al-Faḍīlah.
- Al-Kaḥlānī, Muḥammad ibn Ismā‘īl. 2011. *Al-Tanwīr Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣāghīr*. peny. Muḥammad Ishāq Muḥammad Ibrāhīm. Riyād: Maktabah Dār al-Salām.
- Al-Kawtharī, Muḥammad Zāhid ibn al-Ḥasan. 1998. *Bulūgh al-‘Amānīy fī Sīrah al-Imām Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Al-Khallāl, Aḥmad ibn Muḥammad. 1995. *Al-Ḥathth ‘alā al-Tijārah wa al-Ṣinā‘ah wa al-‘Amal*. peny. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Ḥalab: Maktabah al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah.
- Al-Kharrāz, Abū Sa‘īd. *Kitāb al-Ṣidq*. peny. ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.
- Al-Laknawī, ‘Abd al-Ḥayy. 1991. *Al-Ta‘līq al-Mumajjad ‘alā Muwaṭṭa‘ Muḥammad*, peny. Taqiy al-Dīn an-Nadawīy. Bombay: Dār al-Qalām.
- Al-Laknawīy, ‘Abd al-‘Alī. 2002. *Fawātiḥ al-Rahamūt bi Sharḥ Musallam al-Thubūt*. peny. ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Makkiy, Abū Ṭālib. 2009. *Qūt al-Qulūb*. peny. ‘Āṣim Ibrāhīm al-Kayyālī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mālikīy, ‘Abd Allāh ibn Muḥammad. 1994. *Riyād al-Nufūs fī Ṭabaqāt ‘ulamā‘ al-Qayrawān wa Ifrīqiyyah*, peny. Bashīr al-Bakūsh. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmīy.

- Al-Māwardī, ‘Alī ibn Muḥammad. *Al-Nukat wa al-‘Uyūn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Muḥāsibī, al-Ḥārith ibn Asad. 1987. *Al-Makāsib wa al-Wara‘ wa al-Shubhah wa Bayān Mubāḥihā wa Maḥzūrihā*. peny. ‘Abd al-Qadīr Aḥmad ‘Aṭā. Beirut: Mu’assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- Al-Muḥāsibī, al-Ḥārith ibn Asad. *Al-Ri‘āyah li Ḥuqūq Allāh*. peny. ‘Abd al-Qādir Aḥmad ‘Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Muqaddasī, Muḥammad ibn Aḥmad. 1991. *Aḥsan al-Taqāsīm fī Ma‘rifat al-Aqālīm*. Kaherah: Maktabah Madbulī.
- Al-Nasā’ī, Abū ‘Abd al-Raḥmān Aḥmad. 1986. *Al-Mujtabā min al-Sunan*. peny. ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah. Ḥalab: Maktabah al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah.
- Al-Nīsābūrī, Muslim ibn al-Ḥajjāh. *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*. peny. Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.
- Al-Nīsābūrī, Abū ‘Abd Allāh al-Ḥākīm. 1997. *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*. Kaherah: Dār al-Ḥaramayn.
- Al-Qaḍā’ī, Muḥammad ibn Salāmah. 1986. *Musnad al-Shihāb*. peny. Ḥamdī ibn ‘Abd al-Majīd al-Salafī. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Qazwīnī, Muḥammad ibn Yazīd. *Sunan Ibn Mājah*. peny. Muḥammad Fuād ‘Abd al-Bāqī. Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Qurashī, ‘Abd al-Qadīr. 1993. *Al-Jawāhir al-Muḍiyyah fī Ṭabaqāt al-Ḥanaḥiyyah*. peny. ‘Abd al-Fattāh Muḥammad al-Ḥulw. Riyāḍ: Dār al-‘Ulūm.
- Al-Qur’ān Mushaf Malaysia dan Terjemahan. 2011. Shah Alam: Yayasan Restu.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. 1999. *Al-Taḥṣīn al-Kabīr: Maḥāṭib al-Ghayb*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. 1986. *Al-Arba‘īn fī Uṣūl al-Dīn*. Kaherah: Maktabat al-Kulliyāt al-Azhariyyah.
- Al-Rūmī, Shihāb al-Dīn Yāqūt. 2005. *Mu‘jam al-Buldān*. Beirut: Dār Ṣadir.
- Al-Sarakhsī, Muḥammad ibn Aḥmad. *Uṣūl al-Sarakhsī*. peny. Abū al-Wafā’ al-Afghānī. Hyderabad: Lajnah Iḥyā’ al-Ma‘ārif al-Nu‘māniyyah.
- Al-Ṣaymarīy, Ḥusayn ibn ‘Alī. 1985. *Akḥbār Abī Ḥanīfah wa Aṣḥābih*. Beirut: al-Mazra‘ah Bināyah al-Īmān.
- Al-Shaybānī, Muḥammad ibn al-Ḥasan. 2005. *Kitāb al-Kasb*, peny. ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah.

- Al-Shaybānī, Muḥammad ibn al-Ḥasan. 1997. *Kitāb al-Kasb* dalam *Risālatāni fī al-Kasb*. peny. Suhayl Zakkār. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Shaybānī, Muḥammad ibn al-Ḥasan. 2013. *Kitāb al-Kasb*. pent. ‘Adī Setia dan Nicholas Mahdi Lock. *The Book of Earning a Livelihood* dalam *Right Livelihood and The Common Good: Three Classics from the Islamic Tradition*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Shaybānī, Muḥammad ibn al-Ḥasan. 1986. *Al-Iktisāb fī al-Rizq al-Mustaṭāb*, peny. Maḥmūd ‘Arnūs. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Shaybānī, Muḥammad ibn al-Ḥasan. 1998. *Al-Siyar al-Shaghīr*. peny dan pent., Mahmood Ahmad Ghazi. *The Shorter Book on Muslim International Law: Kitāb al-Siyār al-Ṣaghīr by Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī*. Islamabad: Islamic Research Institute.
- Al-Shaybānī, Muḥammad ibn al-Ḥasan. 2012. *Kitāb al-Aṣl*. peny., Mehmet Boynukalin. Qatr: Kementerian Wakaf dan Hal Ihwal Islam.
- Al-Shaybānī, Muḥammad ibn al-Ḥasan. 1990. *Kitāb al-Aṣl*. peny. Abū al-Wafā’ al-Afghānī. Beirut: ‘Ālam al-Kutub.
- Al-Shīrāzī, Abū Ishāq. *Ṭabaqāt al-Fuqahā’*, peny. Iḥsān ‘Abbās. Beirut: Dār al-Rā’id al-‘Arabīy.
- Al-Shirbīnī, Muḥammad. 1994. *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sijistānī, Abū Dāwud Sulayman. *Sunan Abī Dāwud*. peny. Muḥammad Muḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn. 1986. *Mu’īd al-Ni’am wa Mubīd al-Niqam*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn. *Al-Mu’jam al-Awsaṭ*. peny. Ṭāriq ibn ‘Awḍ Allāh ibn Muḥammad dan ‘Abd al-Muḥsin ibn Ibrāhīm al-Ḥusaynī. Kaherah: Dār al-Ḥaramayn.
- Al-Tahānawī. 1996. *Mawsū’āt Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-‘Ulūm*. Beirut: Maktab Lubnān.
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Īsā Muḥammad. 1998. *Al-Jāmi’ Al-Kabīr Sunan al-Tirmidhī*. peny. Bishār ‘Awwād Ma’rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmīy.
- Al-Tirmidhī, al-Ḥākim. 1986. *Ādāb al-Murīdīn wa Bayān al-Kasb*. Peny. ‘Abd al-Fattāḥ ‘Abdullāh Barakah. Maṭba‘at al-Sa‘ādah.

- Al-Wāhidīy, ‘Alī ibn Aḥmad. 1995. *Al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*. peny. Safwān ‘Adnān Dāwūdī. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Al-Zamakhsharī, Maḥmūd. 1998. *Al-Kashshāf ‘an Ḥaqāiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*. peny. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Maḥmūd dan ‘Alī Muḥammad Mu‘awwid. Riyāḍ: Maktabah al-‘Abīkān.
- Al-Zarqānī, Muḥammad. 2003. *Sharḥ al-Zarqānī ‘alā al-Muwaṭṭa’*. peny. Tāhā ‘Abd al-Raūf Sa’d. Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- Al-Zubaydī, Murtaḍā al-Ḥusayn, 2000. *Tāj al-‘Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*. Kuwait: Maṭba‘ah Ḥukūmah al-Kuwayt.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah. 2011. *Uṣūl al-Fiḥ al-Islāmīy*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Ashtor, E dan Burton-Page. 1991. “Al-Makāyil and al-Mawāzin” dalam *The Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E. J. Brill.
- Bonner, Michael. “The Kitāb al-Kasb Attributed to al-Shaybānī: Poverty, Surplus, and the Circulation of Wealth.” *Journal of the American Oriental Society* 121:3 (2001).
- Cahen, C. L. 1997. “Al-Kasb” dalam *The Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E. J. Brill.
- Calder, Norman. 1997. “al-Sarakhsī” dalam *The Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E. J. Brill.
- Crone, Patricia. 1991. “Mawlā” dalam *The Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E. J. Brill.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Esposito, John L. 1988. *Islam: The Straight Path*. Oxford: Oxford University Press.
- Goitein, S. Dov. 1968. “The Rise of the Middle-Eastern Bourgeoisie in Early Islamic Times,” dalam S. D. Goitein dan Norman A Stillman (ed.), *Studies in Islamic History and Institutions*. Leiden: E. J. Brill.
- Gutas, Dimitri. 1999. *Greek Thought, Arabic Culture: The Graeco-Arabic Translation Movement in Baghdad and Early ‘Abbasid Society*. New York: Routledge.
- Gibb, Hamilton A. R. 2008. “The Social Significance of the Shu’ūbiya” dalam Stanford J. Shaw dan William R. Polk (ed.), *Studies on the Civilization of Islam*. London: Routledge.
- Glubb, John Bagot. 1976. *Haroon al-Rasheed and the Great Abbasids*. London: Hodder and Stoughton.

- Glubb, John Bagot. 1970. *A Short History of The Arab Peoples*. New York: Stein and Day.
- Ḥājī Khalīfah. *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.
- Heck, Gene W. 2004. *Islam, Inc*. Riyadh: King Faisal Center for Research and Islamic Studies.
- Hitti, Philip K. 1970. *History of The Arabs*. London: Macmillan.
- Ḥusayn, ‘Izz al-Dīn. 1993. *Al-Imām Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī: Muḥaddithan wa Faqīhan*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Abī al-Dunyā, Abū Bakr. 1990. *Iṣlāḥ al-Māl*. peny. Muṣṭafā Muflih al-Quḍāh. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’.
- Ibn Abī al-Dunyā, Abū Bakr. 2016. *The Restoration of Wealth*. pent. Nicholas Mahdi Lock dan Adi Setia. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Ibn ‘Alī, Muḥammad Ma‘šūm. *Al-Amthilah al-Taṣrīfiyyah*. Surabaya: Sālim Nabhān.
- Ibn ‘Alī al-Jawziy, ‘Abd al-Raḥmān. 2001. *Talbīs Iblīs*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Al-‘Imād. *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*, peny. Maḥmūd al-Arnāuṭ. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Ibn Anas, Mālīk. 1985. *Al-Muwatta’*. peny. Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.
- Ibn Anas, Mālīk. 1994. *Muwaṭṭa’ Imām Mālīk Riwāyat Muḥammad Ibn al-Ḥasan al-Shaybānī*. peny. ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf. Kaherah: Wizārat al-Awqāf Jumhūriyyāt Miṣr al-‘Arabiyyah.
- Ibn ‘Aṭīyyah, ‘Abd al-Haq. *Al-Muḥarrir al-Wajīz*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad ibn Muḥammad. 1995. *Musnad Aḥmad*. peny. Aḥmad Muḥammad Shākir. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Ibn Ḥamīd, ‘Abd al-Ḥamīd. 1988. *Al-Muntakhab min Musnad ‘Abd ibn Ḥamīd*, peny. Subḥī al-Badrīy al-Sāmīrā’ī dan Maḥmūd Muḥammad Khalīl al-Ṣa’īdī. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad. 1988. *Al-Iḥsān fī Taqrīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. peny. Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Ibn Khaldūn. 2009. *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Ibn Khalkān. *Wafayāt al-A’yān*, peny. Iḥsān ‘Abbās. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibn Khuradādhbih. 1889. *Al-Masālik wa al-Mamālik*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibn Manzūr. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir.

- Ibn al-Mubāarak, ‘Abd al-Raḥmān. *Al-Zuhd wa al-Raqā’iq*. peny. Ḥabīb al-Raḥmān al-A‘zamī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad. 1968. *Al-Mughnī*. Kaherah: Maktabah al-Qāhirah.
- Ibn Ṣalāḥ. 1986. *Ma‘rifat Anwā‘ ‘Ulūm al-Hadith*, peny. Nūr al-Dīn ‘Atr. Beirut: Dār al-Fikr al-Ma‘āshir.
- Islahi, Abdul Azim. “Thirty Years of Research in the History of Islamic Economic Thought: Assessment and Future Directions,” Kertas kerja dibentangkan pada Persidangan Ekonomi Islam Antarbangsa ke 7, 3hb April 2008.
- Ibn ‘Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir. 1984. *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunis: al-Dār al-Tūniyyah.
- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. 1986. *Al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Kuwait: Dhāt al-Salāsil.
- Khaṣāwanah, Aḥmad Sulaymān Maḥmūd. 1997. “Al-Fikr al-Iqtisādī li al-Imām Muḥammad Ibn al-Ḥasan al-Shaybānī,” Tesis M.A. Universiti Yarmuk.
- Lewis, Bernard. 1978. “Sources for the Economic History of the Middle East,” dalam M. A. Cook (ed.), *Studies in the Economic History of the Middle East*, Oxford: Oxford University Press, 1970; repr. Bath: The Pitman Press.
- Lewis, Bernard. 1986. “Abbāsids” dalam *The Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E.J. Brill.
- Noldeke, Theodor. 1911. “Semitic Languages” dalam *The Encyclopaedia Britannica: A Dictionary of Arts, Sciences, Literature and General Information*. New York: The Encyclopaedia Britannica Company.
- Mottahedeh, Roy. 1975. “The Abbāsīd Caliphate in Iran.” dalam R. N. Frye (ed.), *The Cambridge History of Iran*. London: Cambridge University Press.
- Muḥammad, ‘Alī Jumu‘ah. 2001. *Al-Makāyīl wa al-Mawāzīn al-Shar‘iyyah*. Kaherah: al-Quds.
- Omar, Mohammed Mustafa. “Economic Consumption Model Revisited: Infaq Based on al-Shaybānī’s Levels of al-Kasb,” *International Journal of Economics, Management and Accounting*, Supplementary Issue 19 (2011).
- Orman, Sabri. “Sources of The History of Islamic Economic Thought II.” *Al-Shajarah* 3:1 (1998).
- Sourdell, Dominique. 1970. “The ‘Abbasid Caliphate”, dalam P.M. Holt, Ann K.S. Lambton dan Bernard Lewis (ed.), *The Cambridge History of Islām*. Cambridge: Cambridge University Press

- Setia, Adi. "Imām Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī on Earning A Livelihood: Seven Excerpts From His Kitāb al-Kasb," *Islam & Science* 10:2 (2012).
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah. 1982. *Recent Works on History of Economic Thought in Islam: A Survey*. Jeddah: International Centre for Research in Islamic Economic King Abdul Aziz University.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. 1998. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wensinck, A.J. 1936. *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Ḥadīth al-Nabawīy*. terj. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Leiden: E.J. Brill.
- Zaydan, 'Abd al-Karīm. *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Riyāḍ: Mu'assasah Qurṭubah.